

MEMBISU SERIBU BAHASA, MENDUSTA SERIBU KATA: KESEDARAN ALAM MELAYU DALAM KAJIAN KOMUNIKASI DI MALAYSIA

**(MEMBISU SERIBU BAHASA, MENDUSTA SERIBU KATA: *AWARENESS OF THE
MALAY WORLD IN COMMUNICATIONS STUDIES IN MALAYSIA*)**

Ahmad Murad Merican

amurad_noormerican@petronas.com.my

Jabatan Pengurusan dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Petronas

Abstrak

Kajian dan pendidikan formal komunikasi dan komunikasi massa di Malaysia telah wujud lebih empat dekad lamanya. Pendekatan dan konteks memahami fenomena komunikasi dikaji di luar konteks budaya dan masyarakat terpisah jauh dari Alam Melayu. Korpus komunikasi dan cabangnya seperti yang dikaji dan diajarkan di universiti di Malaysia merupakan korpus yang lahir dari luar budaya dan kosmologi alam dan masyarakat Melayu. Keadaan ini dikuatkan lagi dengan terjemahan bahan-bahan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu yang membawa suatu andaian sejarah dan ideologi yang asing kepada kerangka pemikiran dan nilai Alam Melayu. Persoalannya bukanlah bahasa itu sendiri, tetapi ideologi dan pemikiran yang disalurkan itu. Kertas ini melihat kembali perkembangan pengajian komunikasi di Malaysia lalu mengemukakan beberapa pendekatan yang membabitkan perspektif dan kandungan kajian dan kurikulum dengan menyoal kembali beberapa andaian yang wujud selama ini.

Kata kunci: Alam Melayu, bahasa, budi, epistemologi, komunikasi, korpus, media, pemikiran

Abstract

The study and formal education in communication and mass communication in Malaysia have been around for more than four decades. What has been observed is that approaches and contexts in comprehending the communication phenomenon have been studied outside the cultural and societal contexts. By this is meant that

it has been far removed from the Malay world. The corpus of communication and its cognates as studied and taught in Malaysian universities has come into being outside of Malay cosmological and cultural contexts. This situation has been reinforced by translations from the English language to Bahasa Melayu that have brought with them certain historical and ideological assumptions foreign to the Malay framework of thought and Malay values. The issue at hand is not the problem of language as such, but the ideology and thought transmitted through it. This paper examines the development of the study of communication in Malaysia. It then offers several approaches with regard to the perspectives and content of research, and the curriculum by way of reexamining several-commonly held assumptions.

Keywords: Malay world, language, budi, epistemology, communication, korpus media, thoughts

PENDAHULUAN

Makalah ini dimulakan dengan merujuk sebuah lagu keroncong yang bertajuk “Rindu Lukisan”. Empat rangkap dalam lagu tersebut begitu menarik, iaitu: Mengapa mendusta seribu kata? Mengapa membisu seribu ba’sa?/.../Risau engkau dik, risau aku pun/maklum maksud tak sampai.

Kerangka pendekatan kajian Komunikasi di Malaysia telah mengabaikan seribu makna. Dunia dilihat melalui bahasa. Pada masa yang sama, kata-kata dan bahasa telah menggagalkan komunikasi. Kita tidak berkomunikasi. Bahasa tidak rindukan maksud. Sebaliknya yang amat dirindukan ialah teknologi sehinggakan mendusta dan membisu itu tiada lagi maknanya. Makalah ini bertujuan mengenal pasti andaian, tema dan isu yang menggagalkan dan pada masa yang sama menjurus kepada pemurnian Alam Melayu dalam kajian komunikasi dan media di Malaysia.

Perbincangan dalam makalah ini mencerminkan sebuah fragmen nasib pengajian media dan komunikasi. Konsep dan amalan apa yang dapat disifatkan sebagai pengajian komunikasi, komunikasi massa, media massa, pengajian media dan/atau pengajian budaya; serta cabang amalannya, sepertiewartawanan, perhubungan awam atau penyiaran, yang terpisah jauh dari Alam Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi setiap cabang ilmu atau korpus yang diajarkan sebagai bidang ilmu itu hendaklah dikontekskan dalam gagasan alamnya sendiri. Tidak sesuai jika diajarkan sains sosial atau komunikasi massa “orang putih” kepada anak Melayu, atau kepada masyarakat Malaysia. Perjalanan sejarah di Eropah dan di daerah Oksiden pada umumnya tidak sama dengan rantau Nusantara dan alam Melayu. Perlu diakui akan persoalan dan permasalahan identiti yang dihadapi sebagai warganegara, negara bangsa dan warga alam Melayu. Jika kita

perlu mengkaji dan mengajar sains sosial dan ilmu komunikasi Eropah atau Amerika Syarikat, maka babitkan aktiviti itu sebagai pengajian wilayah. Eropah dan Amerika itu adalah unik, tetapi bukan universal.

Kini pendidikan komunikasi massa umumnya diajarkan dalam bahasa Melayu di semua universiti awam, kecuali di Universiti Teknologi MARA dan di universiti swasta. Saya menganggap perkara yang begitu kritikal dalam pendidikan komunikasi massa dari segi bahasa pengantarnya ialah empat domain atau bidang; pertama, mendedahkan pelajar kepada sejarah bahasa dan sejarah bahasa Melayu; kedua, program komunikasi massa hendaklah memuatkan kursus pengajian manuskrip, dan dalam hal ini yang dimaksudkan ialah manuskrip Melayu; ketiga, Kesusasteraan Melayu perlu merupakan komponen dalam pendidikan komunikasi massa dan keempat, sejarah dan institusi kewartawanan perlu dikaitkan dengan tradisi penulisan Melayu. Apakah rasionalnya?

Keempat-empat bidang tersebut tidak ditawarkan di sekolah komunikasi atau fakulti komunikasi massa di universiti di Malaysia sama ada awam ataupun swasta. Pelajar komunikasi atau komunikasi massa tidak diwajibkan mengambil kursus tersebut. Jika ditawarkan sebagai elektif pun, kursus sebegitu dipandang sepi baik oleh para ahli fakulti sekolah komunikasi atau komunikasi massa, mahupun pelajar mereka. Mereka menganggap kursus seperti itu tidak ada nilai praktikal, tidak profesional, terlalu akademik, sarat dengan teori yang tidak boleh digunakan dalam industri dan pasaran. Malah, keempat-empat bidang tersebut dianggap sebagai tiada kaitan dengan korpus komunikasi atau komunikasi massa, seperti yang ditanggapi oleh para sarjana dan tradisi ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial di Malaysia.

Sebenarnya, penawaran kajian sejarah bahasa Melayu dan manuskrip Melayu kepada program komunikasi atau komunikasi massa dapat membentuk alam bahasa itu sendiri. Walaupun kursus kemahiran penulisan seperti penulisan berita atau penulisan rencana dalam bahasa Melayu ditawarkan dan seterusnya diajarkan dalam bahasa Melayu bertujuan meningkatkan kemahiran penulisan dalam bahasa Melayu, penekanan tentang konteks kewartawanan Melayu itu tidak ditekankan. Malah pendedahan dalam sejarah dan pengalaman kewartawanan Melayu dan Nusantara tidak ditawarkan di sekolah komunikasi atau komunikasi massa awam di Malaysia, apatah lagi di sekolah komunikasi swasta. Keempat-empat kursus tersebut tidak wujud, dan tidak pernah wujud setelah lebih tiga dekad pendidikan komunikasi massa di Malaysia.

Satu cabaran yang dominan ialah program komunikasi dan komunikasi massa di Malaysia, baik awam dan swasta amat jauh kedudukan konseptual dan gagasan abstraknya dengan alam bahasa Melayu, selain, mungkin kursus yang berbunyi Bahasa Melayu Komunikasi, atau Bahasa Melayu yang ditawarkan. Apakah program komunikasi atau komunikasi massa di Malaysia ini tidak menghiraukan konteks

budaya, bahasa, serta kesusasteraan Melayu? Anehnya, kesusasteraan Melayu tidak wujud secara organik dalam gugusan komunikasi seperti yang wujud di Malaysia. Jika ditawarkan sekalipun, hanyalah kursus yang mendedahkan pelajar kepada beberapa karya bahasa Melayu. Pengajian kesusasteraan dan teori kesusasteraan yang mempunyai kaitan dengan falsafah bahasa dan pengajian kewartawanan misalnya, tidak pernah diajar.

Retorik bahasa Melayu dan naratif bahasa Melayu dalam bidang komunikasi atau komunikasi massa hampir tidak wujud. Yang ada hanyalah buku yang berorientasikan teks, karya komunikasi dan komunikasi massa dalam bahasa Melayu yang terhasil daripada budaya potong dan tampal dengan memetik, mencedok atau menyalin terjemah segala korpus—teori, perspektif, naratif, retorik, dan contoh daripada karya dalam bentuk buku, makalah, kertas kerja, dan laporan penyelidikan yang dihasilkan dari dua negara utama, iaitu Amerika Syarikat dan Britain. Kedua-duanya merupakan “kuasa besar” sains sosial dunia; selain Perancis, dan Negeri Jerman. Bukanlah bermaksud anti-Amerika atau anti-Inggeris atau anti- terhadap mana-mana negara, budaya atau bahasa Eropah, malah ilmu boleh diambil daripada mana-mana budaya dan daripada mana-mana bahasa. Secara kebetulan, para pengajar dan pengkaji komunikasi atau komunikasi massa di Malaysia dididik dan dilatih, serta berguru umumnya, dan pada mulanya di Amerika Syarikat, dan kemudiannya di Britain.

Kajian, penulisan, dan pandangan alam mereka tentang bidang mereka sendiri dipengaruhi sekurang-kurangnya dua aliran pemikiran, iaitu aliran empirisis-positivis Amerika; dan aliran kritikal-historis dari Britain. Terdapat juga beberapa jurai aliran kontinental yang berbeza-beza misalnya daripada Perancis, Belanda, Itali, negara Scandinavia atau Rusia. Walau bagaimanapun, komuniti intelektual di Malaysia tidak mempunyai tradisi pendedahan dalam bahasa Eropah tersebut, iaitu Jerman, Belanda atau Perancis.

Bahasa yang dominan, serta aliran intelektual daripada mana sesuatu korpus itu lahir menentukan bagaimana ilmu ditanggapi, dikorpuskan semula dan digunakan. Bahasa korpus komunikasi dan komunikasi massa yang telah membanjiri pendidikan di Malaysia ialah bahasa yang tercipta hasil dari falsafah positivisme oleh David Hume dan fahaman rasionalisme Descartes dan Kant. Keadaan ini seterusnya mempengaruhi sosiologi Henri St. Simone dan Auguste Comte di Perancis. Perkembangan sains abad ke-17 dan ke-18, khususnya ilmu fizik klasik telah banyak mempengaruhi epistemologi sains sosial. Bagi sains sosial (serta komunikasi) mencapai satu status ilmu yang sah secara keseluruhannya, maka mesti memiliki beberapa sifat generik. Antaranya termasuklah rasionalisme, empirisisme, utilitarian, pemikiran abstrak, dan antimetafizik.

Kemudian pada tahun 1923 di Vienna, kumpulan Vienna Circle telah memulakan aliran pemikiran positivisme-logikal dalam mengasaskan bahasa yang dapat diterima

dalam kesahihan sains. Salah satunya termasuklah “segala kenyataan dalam sains mesti dapat dibuktikan melalui pencerapan dengan menolak alam metafizik”. Aliran tersebut telah banyak mempengaruhi ahli sains dan seterusnya fahaman sains sosial. Ramai ahli sains sosial dan pemikir yang terpengaruh dengan aliran positivisme-logikal itu berhijrah ke Amerika Syarikat bermula pada tahun 1930-an, terutama sekali akibat tekanan dan diskriminasi terhadap Yahudi oleh pihak Nazi di negeri Jerman, serta akibat daripada sentimen anti-Yahudi di negara seperti Austria, Hungary, Poland, dan Czekoslovakia. Dalam penghijrahan mereka ke Amerika Syarikat (dan ada juga ke Britain), mereka meninggalkan pengeluaran intelektual dalam bahasa negara yang mereka bermastautin sebelum itu, lalu menerbitkannya dalam bahasa Inggeris.

Korpus komunikasi atau komunikasi massa bahasa Inggeris yang disaluti oleh ideologi dan pemikiran positivisme-logikal amat banyak dirujuk, dibaca, dipetik, diguna pakai, dan diterjemah oleh para sarjana kita dan disalurkan kepada para pelajar. Walaupun epistemologi komunikasi tersebut berasaskan pemikiran yang rasional dan pembuktian secara empirikal, ilmu komunikasi dan komunikasi massa yang dipelajari di Malaysia tidak ada kaitannya dengan pemikiran keagamaan dan metafizikal.

Akibatnya, dua masalah yang berturutan, iaitu satu bahasa (dalam kefahaman biasa) dan kedua bahasa sebagai nilai dan teknologi. Walaupun pendidikan komunikasi atau komunikasi massa diajarkan dalam bahasa Melayu, korpusnya tidak dilihat sebagai problematik atau bermasalah, dan digunakan secara tidak kritikal. Malah, bahasa Melayu yang digunakan dalam program komunikasi akan hanya menghakis nilai ilmu dan identiti yang ada pada pelajar, khususnya pelajar Melayu.

Contoh yang berkait rapat dalam memahami konsep komunikasi atau komunikasi massa ialah apa yang kita sebut sebagai minda. Minda lahir daripada istilah Inggeris *mind*. Jika kita rujuk pengertian *mind*, umumnya membawa maksud sesuatu entiti yang rasional, dan logikal. Kita terjemah *mind* kepada “minda” dalam merujuk pemikiran dalam alam budaya dan bahasa Melayu. Rujukan kita kepada “minda” bersifat Eurosentrik. Minda juga bersifat hegemonik, iaitu wacana kita tentang “minda” secara tidak disedari mempamerkan pandangan alam masyarakat dan tamadun Amerika dan Eropah yang tidak berupaya melakar satu analisis pemikiran bukan Oksiden (Barat). Yang berlaku ialah kita menerbitkan dan mewakili budaya dan maksud alam lain. Oleh itu, kita menyalah tafsir diri dan tamadun kita. Dalam memahami budaya dan pemikiran kita, konsep “minda” tidak boleh digunakan sebagai ukuran, kerana “minda” dilihat sebagai objektif, rasional, dan logikal, tanpa emosi dan gerak hati. Sedangkan pemikiran dan tindakan Melayu dapat dilihat melalui kategori rasional serta juga “bukan rasional” dan “bukan logikal”. Pemikiran Melayu ialah “budi” seperti yang digambarkan oleh Lim Kim Hui (2002) dalam mengkaji konsep budi dan rangkaiannya. Andaian kita tentang pemikiran lazimnya berdasarkan minda merupakan sesuatu yang palsu. Jika kita cuba mengkaji akal budi

berukurkan minda, kita berhadapan dengan satu kejanggalan. Kita membenarkan minda menguasai budi. Dalam erti kata lain, kita patuh kepada kod dengan membunuh konteks.

Andaian dan pemerhatian berasaskan entiti kewujudan minda ini banyak dan lazim digunakan dalam sains sosial dan komunikasi atau komunikasi massa, seperti dalam teori pembujukan, kesan media, pengaruh kandungan, proses pengiklanan, komunikasi dan imej dalam perhubungan awam, dan sebagainya. Daripada apa-apa yang telah diajarkan, minda yang kita didik itu mengandaikan bahawa manusia mempunyai asas rasionaliti dan logik. Kita mengandaikan bahawa rasionaliti dan logik itu merupakan sesuatu yang universal, dan hanya terdapat satu rasionaliti dan logik sahaja dalam dunia. Kategori perlakuan manusia dan institusi yang mendokong masyarakat ditonjolkan melalui ungkapan kerangka ruang dan waktu yang abstrak, seragam dan universal. Barat, budaya dan bahasanya, memang unik, tetapi tidak universal. Dalam pendidikan dan kajian komunikasi di Malaysia, kategori budi, jiwa, rasa dan rupa tidak pernah dibahaskan.

Kita terlupa bahawa kita tidak boleh menggunakan secara efektif minda sebagai satu kategori analisis atau objek kajian terhadap masyarakat Melayu dengan menggunakan bahasa Melayu. Kegunaan minda dalam konteks tersebut seterusnya telah menghakis kepelbagaian identiti dan kepelbagaian logik. Melayu mempunyai budi, jiwa, rupa dan rasa pada kedua-dua tahap konseptual dan amalan. Apakah ini selari dan sama dengan logik rasionaliti minda yang lahir daripada sejarah dan pengalaman individu dan kelompok di Eropah yang telah melalui pelbagai kegawatan ideologi dan budaya bermula dari zaman Renaissance, ke zaman Reformasi, ke zaman Revolusi Sains, dan semua ini bertembung membentuk zaman Pencerahan (*Enlightenment*)? Kita tidak boleh menerima korpus mereka melalui bahasa yang disalurkan itu, bukan kerana umumnya dalam bahasa Inggeris, tetapi, kita sendiri tidak menyoal struktur pengadunan bahasa itu dengan korpus yang ada. Bahasa menentukan fakta, nilai dan ideologi. Para cendekiawan di Malaysia hendaklah akur dan faham akan nilai bahasa kerana bahasa merupakan satu teknologi abstrak yang dapat menyusun atur dan memberikan nilai kepada pemikiran manusia yang bertutur dan menggunakannya.

Dalam pengajian dan pendidikan komunikasi massa di Malaysia, fenomena atau gejala tersebut amat kritikal kerana bahasa Melayu (dalam apa-apa juga bentuk dan nilainya) yang disampaikan, akan juga mempengaruhi bahasa yang digunakan dalam pelbagai cabang media massa, seperti kewartawanan dan penulisan, pengiklanan, perhubungan awam, penyiaran, penerbitan, dan filem. Jika tujuan kita mengeluarkan seramai mungkin graduan yang pakar dalam komunikasi atau komunikasi massa dan mahir dalam profesion media massa yang kemudiannya dapat mempersembahkan kandungan dan membanjiri segala dimensi kehidupan dalam bahasa Melayu, dan ini

seterusnya dibaca, ditonton, didengar, digunakan oleh khalayak, maka bahasa Melayu yang digunakan sebagai bahasa pengantar hendaklah bahasa Melayu yang tidak dihakiskan dan dilunturkan nilai adab, kemanusiaan, kesucian dan ketuhanannya.

Bahasa ialah organik kepada korpus dan unsur ilmu. Bahasa menentukan corak sesuatu korpus. Budi, jiwa, rupa dan rasa amat akrab dari segi konsep dan amalannya dalam perhubungan manusia Melayu dan pada tahap metafizikal. Konsep ini amat penting dikaitkan dalam amalan komunikasi dan pemikiran. Akan tetapi, apakah konsep ini integral kepada kurikulum dan silibus program komunikasi atau komunikasi massa di Malaysia? Apakah para ahli fakulti sensitif dan “sedar” akan kewujudan konsep dan membentuk kategori yang relevan bertujuan mengenali pemikiran dan identiti Melayu? Apakah budi misalnya pernah dibincangkan dalam domain komunikasi atau komunikasi massa di Malaysia dengan dikaitkan pada pemikiran, kepintaran, logik, dialektik, perasaan, entiti rasional atau bukan rasional dan digunakan dalam memahami audien dalam konteks etnik, budaya dan Melayu? Jawapannya tidak. Hal ini kerana kategori budi, jiwa, rasa dan rupa tidak dilihat sebagai sah dan masuk akal dalam wacana komunikasi atau komunikasi massa. Para fakulti dan pemikiran dominan mereka ialah kategori budi, jiwa, rasa dan rupa itu terletak pada bidang kesusasteraan dan kesenian sahaja. Mengapa tidak pada bidang sains, teknologi atau komunikasi?

Satu lagi masalah ialah salah nilai bahasa yang difahami oleh mereka. Bahasa positivisme-logikal dalam wacana kesarjanaan telah menyusup masuk dan menguasai jiwa masyarakat pengajar komunikasi sehinggakan telah mempengaruhi bahasa Melayu yang digunakan oleh mereka. Ideologi yang dibawa bahasa Melayu dalam hal ini ialah bahasa Melayu empiris dengan berasaskan pemikiran fungsionalis, cebisan daripada kegunaan sains sosial Perang Dingin dan Imperialisme Amerika. Jika terdapat rujukan, daripada korpus yang berorientasikan Marx, Heidegger, Foucault atau Nietzsche, jumlahnya amat sedikit. Yang ada pun aliran ekonomi-politik dan neo-Marxist, dan umumnya wacana tersebut disalurkan dalam bahasa Inggeris. Namun, masalahnya terjemahan dan tafsiran karya tersebut, walaupun dalam bahasa Melayu, masih lagi menonjolkan berat sebelah ideologi bahasa asal yang digunakan.

PERMULAAN PENDIDIKAN DAN KAJIAN KOMUNIKASI DI MALAYSIA

Walaupun kajian tentang komunikasi massa di Malaysia, yang pada mulanya lebih cenderung dalam bidang kewartawanan dan persuratkhabaran, bermula lebih awal, semasa zaman kolonial (Lihat Khoo Kay Kim, 1984, dan Syed Arabi Idid, 2003), pendidikan komunikasi massa mempunyai sejarah yang lebih singkat. Pendidikan komunikasi massa bermula dengan program latihan kewartawanan pada tahun 1963 (Anderson, 1973). Pendidikan ini dilancarkan dengan bantuan Program Asia

Institut Akhbar Antarabangsa (International Press Institut), Yayasan Asia (Asian Foundation), kerajaan Malaysia dan pihak akhbar. Kursus intensif kepada kira-kira 140 orang pemberita kadet dan pegawai penerangan kerajaan dianjurkan di antara tahun 1963 hingga 1966. Projek latihan kewartawanan Malaysia itu seterusnya membuka ruang untuk penubuhan Pusat Akhbar Asia Tenggara (Southeast Asia Press Center) pada tahun 1966, sebuah institut serantau yang berpusat di Kuala Lumpur. Untuk memenuhi latihan dalam bahasa kebangsaan, pusat tersebut melantik seorang wartawan Melayu sebagai timbalan pengarah (editorial), selain mengeratkan kerjasama antara wartawan Malaysia dengan Indonesia.

Bagi sektor penyiaran, latihan bermula pada tahun 1973 dengan tertubuhnya Pusat Latihan Penyiaran Kebangsaan (sekarang Institut Penyiaran Tun Abdul Razak). Pendidikan komunikasi massa di universiti bermula pada bulan Jun tahun 1971 dengan penawaran program kewartawanan di Universiti Pulau Pinang (kini Universiti Sains Malaysia). Setahun sebelum itu, Universiti Malaya mengambil keputusan tidak menawarkan jurusan yang disebut sebagai “trade school subject”, seperti kewartawanan. Pada tahun 1972, Institut Teknologi MARA (ITM) mula menawarkan kursus sarjana muda dalam jurusan kewartawanan, pengiklanan dan perhubungan awam.

Program di Pulau Pinang, yang pada asalnya bertempat di Pusat Pengajian Budaya dan Masyarakat (School of Cultural and Community Studies) yang kemudiannya bertukar ke Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan umumnya merangkumi komponen penyelidikan komunikasi, latihan kewartawanan, teori dan amalan penyiaran, media audiovisual dan penulisan untuk media massa. Pengarah program di USM antara tahun 1972-1973 ialah John Lent, seorang profesor kewartawanan dari Temple University. Pembantunya, Vincent Lowe, seorang rakyat Malaysia, yang kemudian menyelaras program tersebut, pada masa itu memiliki ijazah Sarjana dari Columbia University. Bahan rujukan dan bacaan semuanya disumberkan dari luar Malaysia, terutama Amerika Syarikat, dan penerbitan UNESCO. Di ITM, seramai 75 pelajar diterima masuk, dan mereka didedahkan dengan silibus Amerika Syarikat yang dibahagikan kepada komponen bahasa, *liberal arts*, dan pengkhususan profesional. Tenaga pengajar pada masa itu terdiri daripada lima orang pensyarah sepenuh masa, semuanya mempunyai ijazah sarjana M.A. daripada universiti Amerika, termasuk seorang warganegara Amerika yang mempunyai pengalaman dalam agensi berita dan majalah *Life*.

Seterusnya, pendidikan komunikasi massa pun berkembang dengan penubuhan Jabatan Komunikasi di bawah Fakulti Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1976. Bermula dengan jurusan yang diberi nama Komunikasi Pembangunan dan kemudiannya jurusan Perhubungan Awam, Penyiaran dan Kewartawanan (Idid, 2008). Universiti Malaya, yang pada mulanya enggan menawarkan kursus

kemahiran, bermula dengan kursus penulisan di Jabatan Pengajian Melayu. Kini terdapat program berasingan di bawah Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Langkah ini diikuti oleh Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia) pada tahun 1979 di bawah Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Jabatan Komunikasi di Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 1990, Program Pengajian Komunikasi di bawah Fakulti Sains Sosial di Universiti Malaysia Sarawak tahun 1993, Program Komunikasi di bawah Sekolah Sains Sosial di Universiti Malaysia Sabah dan Program Komunikasi Sekolah Pembangunan Sosial (kini Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden) di Universiti Utara Malaysia tahun 1999.

Seterusnya, pelbagai bentuk program komunikasi dan komunikasi massa tumbuh di kolej universiti, dan kolej swasta, terutama pada awal pertengahan hingga lewat dekad 1990-an, sama ada secara berkembar atau yang dikendalikan sepenuhnya oleh universiti kolej berkenaan. Program tersebut umumnya berlandaskan program yang sama daripada tiga buah negara, yakni Amerika Syarikat, Britain dan Australia. Nama universiti seperti Curtin, Monash, Nottingham dan Michigan memang popular dikaitkan dengan pendidikan komunikasi massa.

Perlu diingat bahawa komunikasi dan komunikasi massa sebagai satu kajian dan bidang akademik yang kita ketahui sekarang ini di Malaysia mempunyai asal usul dari zaman Perang Dingin, terutama antara tahun 1948 hingga 1960 (Lihat Simpson, 1994). Pada masa itu, dan seterusnya, Amerika Syarikat menggunakan ahli sains sosial dalam kerja pembujukan dan propaganda. Komunikasi massa dilihat sebagai instrumen pembujukan, diplomasi, paksaan, peperangan, dan propaganda dalam strategi Amerika menentang ideologi Komunis dan menakluki negara yang pada masa itu baru mencapai kemerdekaan politik. Selain itu, Perang Vietnam mengancam kesejahteraan Asia Tenggara. Pendidikan dan pengajian komunikasi dan komunikasi massa yang diperkenalkan di Malaysia pada masa itu sebahagiannya merupakan strategi kuasa Amerika untuk menangkis “Teori Domino” dan penaklukan Soviet Rusia dan pihak komunis terhadap “dunia bebas”. Dengan mengeksport kajian dan pendidikan komunikasi massa ke Malaysia, Amerika Syarikat juga sekali gus mengeksport bahasa, nilai dan ideologi demokrasi, hak asasi manusia, dan kebebasan bersuara termasuk kebebasan akhbar.

Yang berlaku seterusnya, pengajian dan pendidikan komunikasi massa disempitkan konteksnya dan dilihat hanya sebagai instrumen, profesion dan jaringan mengembangkan pasaran bebas. Apatah lagi, dengan berakhirnya Perang Dingin, pengajian dan pendidikan komunikasi dan komunikasi massa kini bertumpu pada kegunaan teknologi komunikasi maklumat, persoalan identiti (identiti apa?) dan kuasa (kuasa siapa?), serta pengeluaran budaya (budaya siapa?) melalui teknologi penyiaran dan multimedia.

Sementara itu, dalam dua pertemuan yang diadakan bertujuan membincangkan

hala tuju program komunikasi dan komunikasi massa di Malaysia yang diwakili oleh universiti, kerajaan dan profesional anjuran Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara pada bulan Februari dan Jun 2001, soalan kecekapan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu telah dibincangkan. Namun, kecekapan bahasa ini menjurus kepada kegunaannya dalam industri dan profesion. Korpus komunikasi dan komunikasi massa dalam bahasa Melayu tidak disentuh. Soal teori dan epistemologi jauh daripada pemikiran mereka yang hadir.

KAITAN BAHASA DAN PANDANGAN ALAM DENGAN PEMBUDAYAAN SAINS DAN SENI KOMUNIKASI

Hujah berkaitan dengan bahasa Melayu dalam memantapkan ilmu, misalnya sains dan teknologi, telah banyak dibincangkan. Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian tentang bagaimana kita telah mentakrifkan komunikasi dan komunikasi massa; atau sebaliknya, yakni, bagaimana kita tidak berjaya mentakrifkan komunikasi dan komunikasi massa dalam alam Melayu. Hal ini berkaitan dengan bagaimana orang Melayu mentakrif sains dan ilmu, serta pemikiran saintifik, perubahan cara saintifik, serta melihat komunikasi sebagai satu instrumen kawalan budaya dan sosial. Saya tertarik dengan fenomena “kejutan” teknologi maklumat yang dialami dalam *psyche* Melayu pada tahun-tahun 1980-an. Antara usaha awal yang menceritakan tentang fenomena ini ialah Hairudin Harun dalam bukunya *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat* (2001). Buku ini mengasaskan penelitian tentang budaya fikir orang Melayu dalam konteks sains dan teknologi. Jika kita mentafsir sains dan teknologi dengan lebih luas, bidang ini merangkumi sebahagian penting gugusan epistemologi komunikasi dan komunikasi massa.

Dalam bukunya, Hairudin memberikan tumpuan terhadap penelitian secara teoritis dan konseptual kepada dua perkara asas. Pertama, bagaimana sesuatu idea sains dan teknologi moden mungkin boleh merobah kepercayaan, alam fikir dan budaya fikir orang Melayu, yakni, teras kosmologi Melayu; dan kedua, implikasi sosiointelektual apabila sesuatu idea sains dan teknologi diserap (sama ada secara sedar atau tidak) dan menjadi teras baharu kepada kerangka pemikiran Melayu. Berkaitan dengan perbincangan ini adalah tentang semiotik tabii Melayu, dan inilah teras perbincangan Hairudin dalam penelitiannya. Hairudin melihat inti pati semiotik Melayu berkait dengan pelbagai dimensi pandangan alam Melayu; dan beliau membahagikan kosmologi Melayu ini kepada dua kumpulan besar, iaitu (1) Melayu tradisional, dan (2) Melayu moden. Melayu tradisional patuh kepada cara hidup, menghayati semiotik dan kosmologi apa yang saya sifatkan sebagai asal dan asli dalam kesedaran kosmologi. Melayu moden pula tergolong dalam kalangan mereka yang menghayati semiotik dan kosmologi yang dipengaruhi pemikiran sekular

dan sains Barat. Mereka ini juga kadangkala digelar sebagai “Melayu rasional” atau “Melayu sekular”, urutan daripada dipengaruhi oleh falsafah rasional Barat (Hairudin, 2001:12-13).

Satu cabaran besar pendidikan komunikasi massa ialah melihat semiotik Melayu itu sendiri. Umumnya, kurikulum komunikasi massa di Malaysia terasing daripada pengajian alam Melayu (lihat perbincangan sebelum ini). Perkara ini amat kritikal dalam memahami unsur empirisme dan objektiviti, seperti yang terdapat dalam korpus komunikasi dan komunikasi massa, terutama sekali dari aspek penulisan kewartawanan. Pengajaran komunikasi dan komunikasi massa ialah pengajaran moden yang menggunakan bahasa moden, maksudnya di sini, bahasa (yang dianggap) “rasional”. Konsep dan amalan komunikasi dan komunikasi massa di Malaysia telah memisahkan kita dengan alam tabii tradisional yang penuh makna, simbolisme, gurindam dan syair. Konsep dan amalan komunikasi ini telah merangka semula pandang Alam Melayu sehinggakan dibataskan oleh manifestasi alam kebendaan semata-mata. Maksudnya di sini, bahasa yang digunakan sebagai pengantar tidak berjaya merentasi dimensi fizikal. Walaupun bidang itu diajarkan dalam bahasa Melayu, bahasa yang digunakan itu cenderung kepada fenomena material, seperti kesan, kegunaan, konsep objektiviti, kefactaan, teknologi komunikasi maklumat, dan segala falsafah utilitarianisme yang diterjemahkan dan diamalkan tanpa melihat konteks diri dan budi. Perkara ini termasuklah bidang kajian kewartawanan, yang disampaikan secara tidak kritis dan tidak problematik. Kewartawanan Melayu, misalnya, dapat dikaji sebagai satu kesinambungan dan transformasi budaya dari segi amalannya dalam alam Melayu.

Adalah baiknya jika seseorang pelajar komunikasi massa itu didedahkan dengan semiotik tabii kosmologi Melayu, misalnya seperti yang terdapat dalam ‘*Aqa'id al-Nasafi*, yang ditulis pada sekitar kurun ke-15. Ayat keempat kitab itu membincangkan tentang ilmu dan menggambarkan pandangan alam orang Melayu:

IV Maka segala perkara yang menghasilkan ilmu bagi makluqat itu tiga perkara: suatu panca'indera yang lima: kedua kahabr sadiq (ya'ni berita yang benar); ketiga 'aqaal. Maka panca'indera yang lima itu suatu penengar, kedua penglihat, ketiga penchium, keempat perasa lidah, kelima perasa tubuh. Bermula: dengan segala sesuatu pancha'indera yang lima, daripadanya diketahui atas yang ditentukan ia baginya dengan dia. Bermula: khabar sadiq itu atas dua bagai juga: suatu dari dua itu khabar mutawatir, iaitu khabar yang thabit pada segala lidah qawm yang tiadakan dapat pada buddi muwafaqat mereka 'itu atas dusta (al-attas, 1998: 53)

Apa yang diutarakan di sini ialah ikatan bahasa Melayu dan pembudayaan ilmu, dan hal ini termasuk ilmu komunikasi dan komunikasi massa. Ramai dalam kalangan

akademik komunikasi dan komunikasi massa melihat bahasa Melayu dalam konteks kemahiran penggunaan dan kecekapan. Ahli komunikasi massa menggunakannya dalam pelbagai bidang dan cabang profesion. Mereka menganggap bahasa hanya sebagai elemen mekanistik dari segi pelaksanaan, pengajaran dan kecekapan penggunaan. Sentimennya ialah bahasa Melayu tidak dilihat sebagai wahana wajib bagi mencapai maksud pembudayaan korpus komunikasi dan komunikasi massa. Alasannya sama dengan hujah tentang bahasa Melayu dan pembudayaan sains dan teknologi. Keperluan kepada bahasa Melayu, terutama dalam pembudayaan sains dan teknologi yang serasi dengan akal budi orang Melayu dan Islam hanya berkemungkinan besar berjaya melalui wahana bahasa Melayu, dan tiada kebarangkalian berjaya sebaliknya. Memetik hujah Hairudin (2001:77-78) dalam konteks sains dan teknologi, bahasa Melayu merupakan *lingua franca* dan media asal bagi kosmologi Melayu. Hakikatnya ialah akal budi Melayu hanya terpupuk dengan selesa melalui bahasa Melayu. Bahasa Melayu masih mempunyai pertalian ontologi dan semantik dengan agama Islam dan kosmologi Melayu. Bagi orang Melayu yang dibesarkan dalam suasana bahasa Melayu dan dibudayakan melalui wahana bahasa Melayu, ikatan kosmologi dan agama tetap dirasakan.

Kefahaman mekanistik terhadap penggunaan bahasa sama ada dalam pedadogi atau melihatnya memenuhi keperluan profesion, alam pekerjaan atau dasar kebangsaan tidak semestinya dilihat sebagai kejayaan “memelayukan” pendidikan komunikasi. Bukan sekadar membanjiri media dalam bahasa Melayu dan tidak juga sekadar menggunakan bahasa Melayu dalam kurikulum. Yang diperlukan ialah melibatkan keupayaan orang Melayu (sarjana dan pelajar) menghasilkan korpus komunikasi dan komunikasi massa yang mencerminkan akal budi dan kosmologi Melayu.

BUDI DAN KAJIAN MEDIA MELAYU

Pengajian Komunikasi dan Media di Malaysia terlupa budi. Di sini, budi bukan bahasa, bukan bicara, bukan akal, bukan hati, dan bukan daya. Budi telah dilupakan, dilenyapkan. Budi dialpakan. Malah budi diperlekeh. Budi sebenarnya paksi falsafah media Melayu. Budi merupakan asas epistemologi korpus komunikasi dan sains manusia Melayu. Salah satu objek manifestasi budi ialah peribahasa. Daripada peribahasa, kita dapat meneliti logik dan emosi orang Melayu. Daripada peribahasa juga kita dapat menggarap satu rangkaian budi dan peranannya dalam pemikiran Melayu.

Jika kita ambil iktibar daripada paradigma Marshall McLuhan, yakni “medium adalah mesej” (*The medium is the message*), peribahasa dan cabangnya yang tersenarai sebagai bahasa berkias, simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah petitih,

perbilangannya dan bidalan wujud sebagai medium yang menyalurkan persekitaran dan pemikiran. Begitu juga halnya dengan pantun. Pendidikan komunikasi dan pengajian media telah meminggirkan bentuk peribahasa dan pantun sebagai falsafah dan amalan komunikasi serta proses media. Keadaannya jauh daripada maksud peribahasa, semakin berisi semakin tunduk (*The more knowledgeable you are, the more humble you become*). Perkembangan dalam pengajian komunikasi di Malaysia bukan dapat disifatkan sebagai “membawa resmi padi”, tetapi “membawa resmi lalang” (*not following the nature of padi, but following the nature of lalang*). Jika pengajian komunikasi di Malaysia membawa resmi padi, maka semakin berisi semakin tunduklah ia (*following the nature of padi, the fuller it is, the more it will bow*).

Dalam ilmu padi, makin berisi makin rendah (*like an ear of corn, the fuller it is of grain, the lower it bends*). Begitulah, luahan rendah diri yang positif, suatu konsep yang diwarisi daripada budaya bertanam padi. Mungkin juga, pendidikan dan pengajian komunikasi dan media di Malaysia dapat disifatkan sebagai seperti ilmu padi hampa, makin lama makin mencongak (*like an ear of corn which grows tall in proportion to its emptiness*). Dan ini menandakan keangkuhan.

Rasa rendah diri bukan sama dengan rasa hina diri. “Kita hanya akan memesongkan sejarah budaya Melayu jika kita menafikan nilai positif rendah diri dan mentakrifnya sebagai rasa hina diri. Rasa rendah diri bukannya suatu keadaan yang negatif tetapi suatu gagasan falsafah dalam pencarian ilmu, begitulah penjelasan oleh Lim Kim Hui dalam disertasi kedoktorannya yang bertajuk “Budi as the Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa” (2002). Hasil kajian Lim amat kaya dalam membentuk satu gagasan yang begitu relevan sekali kepada pengajian media dan ilmu komunikasi Melayu. Malah, disertasi Lim membekalkan kita sebab kenapa kita tidak seharusnya meminggirkan peribahasa dan alam pemikiran Melayu daripada dijadikan paksi kepada korpus yang dicari-cari.

Budi sebagai pemikiran Melayu dapat ditelusuri daripada istilah budi. Perkataan budi berasal daripada bahasa Sanskrit: buddhi yang bermaksud hikmah, kefahaman atau intelek. Maksudnya diluaskan kepada etik, serta intelek dan ketaakulan. Menurut Lim, “Budi membawa pelbagai nuansa maksud dalam pandangan alam Melayu dan memainkan peranan kritis dalam segala aspek kehidupan Melayu (Lim, IAS Newsletter, July 2003). “budi boleh membawa maksud intelek, seperti yang ditunjukkan dalam ungkapan akal budi. Budi juga menandakan kebaikan atau murah hati, seperti yang terdapat dalam maksud pantun pisang emas dibawa belayar/masak sebiji di atas peti/hutang emas boleh dibayar/hutang budi dibawa mati (*sail away with a bunch of bananas/one ripe fruit remains on the chest/debts we can repay/debts of kindness, we take to the grave*). Lazimnya ia menandakan kelakuan moral atau tindakan moral, seperti dalam budi pekerti. “budi juga dapat difahamkan

sebagai kebijaksanaan, atau keloesan dalam menilai sesuatu yang dapat dikaitkan dengan akal dan hati, seperti yang dicerminkan dalam budi bicara. Budi juga boleh menyumbang kepada aspek praktis, dalam bentuk budi daya (*ability*).”

Korpus ilmu komunikasi dan pengajian media Melayu yang berpaksikan budi, hendaklah dilihat sebagai satu rangkaian yang menunjukkan arus kuasa budi dalam budaya Melayu. Hal ini seterusnya dapat dilihat dalam fungsi budi, apabila rangkaiannya itu mempunyai sifat seorang budiman (dalam bahasa Inggeris, *wise man*). Dalam konsep seorang budiman, idea akal dan hati saling mengait dalam satu sistem budi yang kompleks (inteleak dan hikmah). Rangkaian budi menentukan kebijaksanaan pemikiran orang Melayu, sikap moralnya, kebaikan dan kelakuan sesuatu hujah itu perlu dimajukan. Pemikiran Melayu berkembang melalui rangkaian akal budi dan hati budi yang merangkumi “minda-emosi-moral-kebaikan-amalan” dalam skala membuat keputusan. Lim menjelaskan bahawa prinsip logik keras digemblengkan dengan dimensi lembut emosi dan perasaan manusia. Alat terbaik dalam kebijaksanaan budi bicara bukannya lahir daripada ranah ketaakulan dan emosi semata-mata, tetapi suatu gabungan yang seimbang antara ketaakulan dan emosi yang ditimbalbicarakan oleh budi.

Lim percaya bahawa emosi merupakan pengukuran primer dalam pemikiran Melayu dan bukannya otak (*brain*), atau akal (*pure reason*) semata-mata. Akal sahaja tidak mencukupi dalam menyelesaikan konflik. Budi pekerti (*reason with ethics*) hendaklah mendahului kita dalam menangani konflik dan konfrontasi dengan pihak lawan. Orang Melayu tidak akan mengkritik, menyerang atau menentang terus pihak lawan mereka. Orang Melayu akan secara tertib menunjukkan kemarahan mereka melalui kegunaan peribahasa dan kata-kata secara kreatif. Teguran sebegitu dianggap lebih halus (*cultured/refined*) dan tidak akan menyakit hati pihak lawan. Dalam keadaan ini, adalah lebih baik menyelesaikan perbalahan dalam semangat budi, seperti yang dicerminkan dalam: “orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa (*if a person is courteous, we should be polite in return; if a person offers a gift, we should accept it thankfully*). Hasrat pepatah tersebut menuju kepada satu kefahaman dan tindakan yang sama dan bukannya berbeza.

Konsep bahasa berlapis dan kata-kata beralas (*veiled criticisms*) amat jelas dalam banyak peribahasa. Orang Melayu menggunakan perumpamaan untuk mengkritik raja mereka, atau pihak berkuasa. Misalnya, jika kita perhatikan peristiwa dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai*, tindakan sultan membunuh anak-anaknya disebut sebagai “badak makan anaknya”. Budi mencorak hasrat dan cara cabaran kepada pihak berkuasa. Cabaran itu ditentukan oleh kekangan sosiopolitik dan budaya, yakni, feudalisme, hormat kepada orang tua, dan perasaan rendah diri,” jelas Lim. Konfrontasi secara langsung bukanlah sebahagian daripada budi pekerti dan budi bahasa Melayu. Cara ini tidak manis (*not nice*), tidak berbudi bahasa (*uncultured, uncivilized*) dan tidak

mengenang budi (*ungrateful*). Amalan ini terpancar dalam media internet. Dalam ruang siber tersebut, para penulis Melayu sering menggunakan peribahasa Melayu atau ekspresi tradisional Melayu dalam menyampaikan hujah mereka. Menggunakan pepatah dan bidalan dapat mengelakkan seseorang itu terjerumus dalam keadaan konfrontasi dan menjauhkannya daripada tanggungjawab.

Kecenderungan mengelak diri daripada pertembungan atau percanggahan dalam retorik dan pemikiran mencorak sejenis pemikiran dalam orang Melayu yang “kurang memperlihatkan” pemikiran dialektis. Dengan kata lain, perselisihan pendapat dan pendirian dalam kalangan orang Melayu tidak menekankan dan menuju kepada “kebenaran” dari segi mencari kemenangan, seperti yang terdapat dalam perspektif Barat. “Kemenangan” dan “kebenaran” bukanlah tema dalam percanggahan pendapat. Konflik diatasi dengan menggunakan peribahasa, iaitu alat dalam peperangan kata-kata.

Menurut Lim, peribahasa merupakan permata pemikiran Melayu. Peribahasa, jika dibandingkan dengan bentuk cerita lisan seperti cerita rakyat, lagu rakyat dan permainan rakyat, merangkumi idea falsafah dan nilai yang begitu relevan sekali kepada masyarakat. Berlatarbelakangkan hujah tersebut, seorang budiman diamanahkan berkelakuan menurut kehalusan ketaakulan dan berbudi bahasa. Seseorang itu mesti mempercayai melalui hati. Menurut Rainer Carle, seseorang yang beraspirasi menjadi budiman mesti memiliki “hikmah budi” terlebih dahulu. Keupayaan memilih antara yang bermanfaat dan yang bermudarat mencerminkan budinya. Seorang budiman mestilah berkelakuan baik, berhati-hati, berhati perut; serta rendah diri. Rendah diri merupakan salah satu ciri budi bahasa. Karya kesusasteraan Melayu lama menyanjung tinggi ciri tersebut berbanding dengan keikhlasan atau kebaikan. Rendah diri juga terdapat dalam pujangga Yunani, Socrates, yang dianggap sebagai orang yang paling budiman di Athens. Beliau pernah berkata “Saya hanya tahu satu perkara sahaja, yakni saya tidak tahu apa-apa.” Socrates dalam hal ini menunjukkan perasaan rendah diri. Perasaan rendah diri seperti itu hanya menunjukkan jiwa yang berbudi dalam tidak menjadi angkuh.

Falsafah komunikasi Melayu hendaklah dimulakan dengan perasaan rendah diri. Perasaan ini dapat dilihat sebagai satu strategi retorik dan kebaikannya hanya akan dapat diketahui daripada niat si pengucapnya. Niat yang elok mencerminkan budi pekerti. Oleh itu, seseorang budiman itu diharapkan membuat keputusan yang bijak lagi pragmatik yang dapat memakmurkan masyarakat. Lim menjelaskan bahawa untuk memahami pemikiran Melayu dan bagaimana Melayu berucap, kita mesti merujuk matlamat akhir dalam tindakannya itu pencarian kebenaran, kebaikan dan keindahan. Dalam hal ini, budiman ialah manusia yang memiliki kebaikan yang syumul. Rangkaian budi terpancar daripada sumber insan itu. Lim, dalam mengaitkan budi dengan *jen*, mengulas bahawa jika *jen* dapat diterjemahkan sebagai “kebaikan

sempurna,” maka budi Melayu dapat dimaksudkan sebagai “kebaikan sempurna” orang-orang Melayu. Korpus komunikasi Melayu harus menyingkap ideal ini, iaitu suatu ideal yang pada masa yang sama, halus dan praktikal. Dalam iklim kini yang menjurus kemerosotan nilai etika, seseorang budiman dan orang yang mempunyai jen memperingatkan kita akan masa lalu apabila seseorang yang mempunyai nilai moral yang cemerlang disanjung tinggi. Pada hari ini, kejahatan, sifat lawan kepada kebaikan, disambut dan dirayakan di merata-rata tempat.

KESIMPULAN

Pengajian dan pendidikan komunikasi atau komunikasi massa hendaklah dirombak agar gagasan korpus dan kurikulum merangkumi alam Melayu. Detik permulaan hendaklah diwujudkan dengan penganjuran dialog antara bidang komunikasi dan bidang pengajian bahasa, kesusasteraan dan budaya; serta pengajian sains dan teknologi. Pengajian dan pendidikan komunikasi dan komunikasi massa seharusnya mendokong satu ideal yang lebih besar daripada apa yang sedia ada.

Sudah tiba masanya kita memanfaatkan pengajian dan pendidikan Komunikasi dan Komunikasi Massa sebagai merangkumi jiwa dan rupa budaya, warisan dan sains. Cara ini dapat membina daya kepintaran, kecekapan, literasi dan imaginasi dalam mencipta, menilai dan mengurus kaedah, proses dan kandungan. Jika kini teknologi, sebagai satu gagasan monolitik, memacu hala tuju kehidupan kita, sebaliknya, kita mesti membentuk dan mencorak hala tuju teknologi itu sendiri. Kita tidak mahu penjajahan baharu dari segi ilmu, sains, dan ideologi menawan budi dan akal kita.

Beberapa langkah yang dapat diambil oleh gagasan Komunikasi dan Komunikasi Massa di Malaysia serta institusi berkenaan. Antaranya termasuklah; pertama, Masyarakat mengajar dan mengkaji komunikasi dan komunikasi massa mesti bermula dengan mengkritik permasalahan Eurosentrisme dan Orientalisme dalam sains sosial. Kedua, Menimbulkan permasalahan metodologi dan epistemologi yang berkaitan dengan kajian masyarakat, persejarahan atau falsafah sejarah. Mengkaji fenomena komunikasi dan komunikasi massa dalam konteks alam Melayu. Ketiga, memajukan konsep, kategori dan agenda penyelidikan relevan kepada keadaan setempat. Keempat, merombak kurikulum bagi tujuan mewujudkan program yang lebih universal kepada persekitaran budaya geografi sejarah Melayu dengan mengambil kira sumber universal idea dan konsep. Keenam, Merancang penterjemahan buku daripada gugusan besar seni dan sains komunikasi dalam bahasa Inggeris dan bahasa Asia dan Eropah lain ke dalam Bahasa Melayu.

Usaha tersebut akan sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan dan transformasi pengajian dan pendidikan komunikasi dan komunikasi massa di

Malaysia; serta kepada persuratan Melayu dengan membentuk satu persekitaran kognitif dan budaya. Seperti pada ilmu padi hampa, makin lama makin mencongak, entah apa yang dicongaknya dan dicarinya, begitulah keadaan kita hari ini. Semakin kita mencari-cari, lebih jauhlah *atma* kita daripada diri kita sendiri. Cuba kita ambil resmi padi, makin berisi makin tunduk. Padi tidak lupa pada tanah tempat asalnya.

NOTA

- ¹ Walaupun terdapat perbezaan dari segi epistemologinya, namun istilah tersebut akan digunakan sebagai kategori umum merujuk amalan penamaan di universiti di Malaysia.
- ² Menurut Syed Arabi Idid, masa itu memperlihatkan minat dari luar bidang Komunikasi ke atas Komunikasi Pembangunan, terutama sekali para sarjana dari Antropologi dan Sosiologi. Mereka yang terserlah ialah H. M. Dahlan, Wan Hashim Wan Teh dan Salleh Lamry. Dahlan dan Wan Hashim telah menjalankan satu kajian mengenai kepentingan komunikasi dalam menangani perubahan social di Perupok, Kelantan. Lihat Syed Arabi Idid (2008), “The Beginnings of Communication Study in Malaysia: A Preliminary Observation” dlm. Ahmad Murad Merican (ed.) *Blinded by the Lights: Journalism and Communication Study in Malaysia since 1971.* (Shah Alam: Upena), 33-55.
- ⁴ Asli di sini bukan bermaksud suci atau tidak dinodai dalam aliran ruang dan waktu. Kita tidak boleh menyekat perjalanan waktu, dan bentuk ruang. Idea dan konsep tidak lari daripada gerak arus yang saling mempengaruhi. Asli lebih mirip kepada melihat sesuatu itu sebagai benar dan sebagai apa yang wujud.
- ⁵ Pada penulis, karya Vladimiar Braginsky (2004). *The Heritage of Traditional Malay Literature: A Historical Survey of Genres, Writings and Literary Views* (Leiden: KITLV Press) amat relevan dalam mengkaji kesinambungan dan transformasi warisan penulisan dan kewartawanan Melayu. Braginsky menyifatkan kesusasteraan (Melayu) sebagai *pekerjaan kalam*. Bertolak daripada situ, penulis telah memulakan kajian mencari korpus kewartawanan Melayu. Lihat kertas kerja saya “Approaches toward Theorizing Malay Journalism: History, Criticism and Context” yang dibentang di 14th AMIC Annual Conference on Media and Society in Asia: Transformations and Transitions, Beijing, 18-21 Julai 2005.
- ⁶ Budiman Melayu dapat disamakan dengan konsep Confucius “man with jen” yang bermaksud seseorang yang mempunyai kebaikan keseluruhannya. Dalam *Analects Confucius*, istilah jen (ren dalam Pinyin) digunakan yang membawa maksud berhati manusia, yakni gabungan semua kebaikan.
- ⁷ Dicapangkan oleh Vineeta Sinha dalam “Socio-cultural theory and colonial encounters: the discourse on indigenizing anthropology in India.” Manuscript, Jabatan Sosiologi, National University of Singapore. Lihat Syed Farid Alatas (2001). ‘Alternative Discourses in Southeast Asia,’ *Sari* 19 July, 49-67.

RUJUKAN

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqaid of Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Alatas, Syed Farid, "Alternative Discourses in Southeast Asia" dlm. *Sari* 19 July 49-67, 2001.
- Anderson, Michael Hugh, 1973. "Journalism Education in Malaysia: The First Decade". Kertas yang Tidak Diterbitkan, University of Minnesota.
- Braginsky, Vladimir, 2004. *The Heritage of Traditional Malay Literature: A Historical Survey of Genres, Writings and Literary Views*. Leiden: KITLV Press.
- Faezah Ismail (April 16 2006). "A Love Affair with *peribahasa*" dlm. *New Sunday Times*, H2 and H4.
- Faezah Ismail (April 16 2006). "Like Mother, Like Son" dlm. *New Sunday Times*, H3.
- Hairudin Harun, 2001. *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim, 1984. *Majalah dan Akhbar Melayu sebagai Sumber Sejarah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Lim Kim Hui, 2002. "*Budi as the Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa*". Tesis yang tidak diterbitkan. University of Hamburg.
- Merican, Ahmad Murad, 2008. *Blinded by the Lights: Journalism and Communication Study in Malaysia since 1971* (Shah Alam: Upena).
- Merican, Ahmad Murad, 2005. "Approaches toward Theorizing Malay Journalism: History, Criticism and Context." Kertas kerja yang dibentangkan di 14th AMIC Annual Conference on Media and Society in Asia: Transformations and Transitions, Beijing, July 18-21.
- Merican, Ahmad Murad, 2005. "Teknologi, Imaginasi dan Literasi: Kegunaan Ilmu dalam Kesedaran." Kertas kerja yang dibentangkan di Kongress Pendidikan Melayu Ke-2 (KPM2), Kuala Lumpur, 26-27 Mac 2005.
- Simpson, Christopher, 1994. *Science of Coercion: Communication Research and Psychological Warfare 1945-1960*. New York: Oxford University Press.
- Syed Arabi Idid, 2008. "The Beginnings of Communication Study in Malaysia: A Preliminary Observation" dlm. Ahmad Murad Merican, (ed.) *Blinded by the Lights: The Study of Journalism and Mass Communication in Malaysia since the 1971*. Shah Alam: Upena.